

Headline	Tingkat perkhidmatan pelanggan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 May 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Bisnes	Page No	15
ArticleSize	166 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 8,495		



## ***Tingkat perkhidmatan pelanggan***

TENAGA Nasional Berhad (TNB) akan memanfaatkan teknologi, menawarkan perkhidmatan berkaitan tenaga dan memantapkan kecekapan bagi meningkatkan perkhidmatan di samping meraih keuntungan dalam negeri.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir Azman Mohd berkata, aktiviti kumpulan akan meningkatkan perkhidmatan pelanggan melalui teknologi, termasuk meningkatkan kehadiran digital.

"Kumpulan akan menaik taraf pusat hubungannya bagi memberi khidmat kepada pelanggan dan turut bekerjasama rapat dengan kumpulan TNB serta rakan luaran mengenai kemungkinan menyediakan perkhidmatan berkaitan tenaga.

"Perkhidmatan ini dijangka meningkatkan keuntungan domestik kami, sementara kecekapan perkhidmatan pelanggan kami akan terus ditingkatkan apabila kami menyelesaikan pemisahan entiti perkhidmatan pelanggan pada 2018," katanya dalam Laporan Tahunan Bersepadu TNB (tempoh empat bulan berakhir 31 Disember 2017).



**DATUK SERI IR.  
AZMAN MOHD**

Azman berkata kumpulan itu juga menggunakan teknologi baru menerusi pendekatan untuk operasi gridnya.

Katanya, TNB akan memperbaiki pengurusan aset sambil memperluaskan penggunaan penyelesaian mobiliti.

"TNB merancang memulakan penerapan penyelesaian mobiliti untuk saluran kuasa dan pengurusan aset kabel diseluruh Semenanjung menjelang suku ketiga tahun 2018.

"Percubaan menggunakan penyelesaian mobiliti untuk pengurusan pembinaan kumpulan, pengurusan substansial, operasi voltan rendah dan pembaikan adalah sasaran untuk suku kedua 2018," katanya.

Dalam pada itu, mengenai pengambilalihan antarabangsa TNB dan pemerolehan aset yang boleh diperbaharui, Azman berkata, kumpulan itu akan terus meneroka pemerolehan terbaru antarabangsa yang berpotensi tinggi dalam kedua-dua generasi solar dan angin.

"Kami telah melangkaui pengambilalihan pembaharuan antarabangsa, dan telah secara aktif mengambil bahagian dalam bidaan hijau antarabangsa yang boleh diperbaharui sejak 2016."